

Insaniah-Mahsa teruskan Kulliyyah Perubatan

ALOR SETAR - Kolej Universiti Insaniah (Insaniah) menjalin kerjasama dengan Kolej Universiti Mahsa untuk meneruskan program Kulliyyah Perubatan, bukannya menswastakan pengajian itu, seperti didakwa.

Pengarah Perhubungan Awam Insaniah, Muhammad Azki Hafizi Ibrahim berkata, operasi Kulliyyah Perubatan di Insaniah berjalan seperti biasa dan tidak menjejaskan kepentingan pelajar, termasuk proses pembelajaran.

"Sebelum ini, kulliyyah itu diurus Insan Medic Sdn Bhd, kami yakin MAHSA mampu membangunkan Kulliyyah Perubatan ini berdasarkan pengalaman dalam pembangunan program perubatan kesihatan kolej itu," katanya.

Menurutnya, kerjasama antara Insaniah dan MAHSA bukan perkara baru kerana sebelum ini kerjasama akademik sudah terjalin bagi menjalankan program Diploma Kejururawatan, yang kini sedang



beroperasi di kampus Insaniah Mergong, sejak 2009.

"Kerjasama dengan MAHSA dan semua perubahan dalam usaha penambahbaikan Kulliyyah Perubatan ini mengambil kira syarat dan terma ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Lembaga Perubatan Malaysia (MMC), termasuk kurikulum dan tenaga pengajar. Ini bagi memastikan kualiti pengajian sentiasa

“Pelajar yang tamat pengajian adalah graduan Insaniah dan Ijazah dianugerahkan oleh Insaniah. Dari sudut Kurikulum, aspek penerapan nilai-nilai Islam dalam pengajian perubatan tetap diteruskan, selain menggunakan kemudahan sedia ada di kampus Mergong.”

Azki Hafizi

dipantau dan diberikan kelulusan oleh kedua-dua badan itu," katanya.

Muhammad Azki Hafizi berkata, program perubatan yang dijalankan adalah program Insaniah, sekaligus menolak khabar angin yang mendakwa Insaniah akan menswastakan Kulliyyah Perubatan.

"Pelajar yang tamat pengajian adalah graduan Insaniah dan Ijazah dianugerahkan oleh Insaniah. Dari sudut Kurikulum,

aspek penerapan nilai-nilai Islam dalam pengajian perubatan tetap diteruskan, selain menggunakan kemudahan sedia ada di kampus Mergong," katanya.

Menurutnya, khabar angin bahawa Kulliyyah Perubatan akan ditutup sengaja dicituskan pihak-pihak tertentu bagi menimbulkan persepsi negatif terhadap pentadbiran baru Insaniah sehingga mencetuskan kemarahan waris dan pelajar.

"Sehingga hari ini, Insaniah tidak pernah berniat menutup mana-mana program pengajian yang ditawarkan kerana kami prihatin dengan kebajikan dan masa depan pelajar," katanya.

Muhammad Azki Hafizi berkata, Kuliah Perubatan akan memulakan pengajian sesi 2013/14 awal September ini.

"Pengambilan baru bagi kohort kedua dibuat dua kali pada semester ini, iaitu 1 dan 22 September. Saya harap pembukaan sesi baru ini menamatkan tohmahan kulliyyah itu akan ditutup," katanya.